

DATE: **6 NOVEMBER 2014 (THURSDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – PAHANG MINTA PIHK KEMUKA CARA TANGANI ISU PEKERJA ASING – PG.19**

BERITA HARIAN 11 6 NOV 2014

Pahang minta pihak kemuka cara tangani isu pekerja asing

Kuantan: "Kita boleh tangkap semua pekerja asing di Cameron Highlands tetapi perlu bersedia kehilangan tenaga kerja dan pendapatan negara bernilai berbilion ringgit," kata Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Berikutan itu, beliau meminta pihak yang mempunyai kaedah terbaik bagi menyelesaikan masalah berkenaan untuk tampil mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri.

"Masalahnya sekarang jika kita tangkap semua pekerja asing itu... ke mana kita mahu tempatkan mereka. Balai Polis Cameron Highlands hanya mampu memuatkan 40 tanahanan.

"Jumlah pekerja asing yang ada di sana, mengikut rekod kami kira-kira 30,000 orang. Mereka ini bukan sahaja dari Bangladesh, ada juga dari Rohingya dan Nepal," katanya kepada media selepas

mempengerusikan Mesyuarat EXCO, semalam.

Beliau berkata, terdapat 7,528 hektar tanah di Cameron Highlands digunakan secara sah untuk pelbagai kegiatan tanaman seperti kebun teh, sayuran dan bunga.

Katanya, kerajaan negeri masih dapat mengawal dan sentiasa memantau kegiatan penerokaan tanah secara haram untuk tujuan pertanian di kawasan berkenaan.